

09/10/1997

Tenaga warga tua harus dimanfaatkan

Rosmin Darus

USIA persaraan kakitangan kerajaan dan swasta wajar dilanjutkan daripada 55 ke 60 tahun berikutan pertumbuhan ekonomi negara yang sekali gus turut meningkatkan tahap kesihatan dan jangka hayat rakyat negara ini.

Pemimpin wanita pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berpendapat sudah tiba masanya usia persaraan itu dilanjutkan kerana aliran sekarang menunjukkan umur 55 tahun adalah masih muda, kuat dan mampu bekerja.

Noor Faridah Ariffin dari Persatuan Peguam Wanita berkata usia persaraan di Singapura dan United Kingdom adalah 60 tahun, manakala kebanyakan negara Eropah lain 65 tahun. Malah, di Vietnam, usia persaraannya 60 tahun.

"Sudah tiba masanya, Malaysia yang sedang melangkah sebagai negara maju turut melanjutkan usia persaraan terutama di sektor swasta.

Di sektor kerajaan mungkin boleh dilakukan mengikut keadaan di mana mereka yang masih produktif dilanjutkan," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga sedang menghadapi masalah tenaga kerja sektor perguruan dan sehubungan itu warga tua yang melewati usia 55 tahun tetapi masih kuat dan berkemampuan bekerja patut dikekalkan.

"Usia 55 tahun pada masa sekarang adalah masih muda dan masih banyak yang dapat disumbangkan kepada negara serta masyarakat," katanya.

Noor Faridah berkata pada masa sekarang sektor awam hanya menghadkan mereka di peringkat ketua setiausaha ke atas untuk menyambung tempoh perkhidmatan.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan supaya peluang itu dibuka kepada semua peringkat pekerjaan terutama pegawai kanan yang masih sihat, cergas dan berkemampuan untuk bekerja.

"Mungkin boleh perkenalkan satu mekanisma yang membolehkan khidmat kakitangan warga tua produktif dilanjutkan tempoh pekerjaan, manakala mereka yang muda pula terus berpeluang untuk kenaikan pangkat," katanya.

Ahad lalu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Timbalannya, Datuk Peter Tinggom Kamarau berkata warga tua perlu diberi peluang untuk terus menyumbang tenaga kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Menurut mereka, warga tua yang berusia lebih 60 tahun sudah banyak menyumbang dan mempunyai potensi untuk terus berbakti melalui penyertaan pekerjaan mengikut pengalaman dan kemahiran masing-masing.

Pengerusi Exco Pembangunan Bandar dan Perumahan Wanita Umno, Senator Faridah Abu Hassan pula berpendapat negara akan rugi jika mengketepikan kepakaran dan pengalaman warga tua hanya kerana mereka sudah sampai tempoh persaraan.

"Sesetengah daripada mereka terpaksa 'pencen' hanya kerana sudah menjangkau usia 55 tahun walaupun pada hakikatnya masih sihat, cergas dan produktif untuk menyumbang.

"Sewajarnya usia persaraan dilanjutkan sehingga 60 tahun atau berdasarkan kontrak tahunan.

Lihat saja Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sudah melebihi 70 tahun tetapi masih aktif dan kita amat memerlukan khidmat beliau," katanya.

Faridah juga berkata masyarakat juga tidak boleh menganggap seseorang itu sudah tidak produktif hanya kerana melebihi usia 55 tahun.

Sementara itu, Ketua Wanita Jemaah Islah Malaysia (JIM), Fuziah Salleh pula berkata banyak cara boleh memanfaatkan kepakaran dan pengalaman warga

tua. Antaranya, melantik mereka sebagai penasihat dalam sesuatu organisasi atau NGO.

"Bersara tidak bererti terus dipinggirkan. Sekiranya, mereka mempunyai kepakaran dalam bahagian pengurusan, khidmat tetap diperlukan untuk membantu mentadbir atau menasihati pengurusan NGO.

"Di barat warga tua yang berkemampuan juga memberi sumbangan mereka di rumah-rumah kebajikan warga tua untuk sokongan moral kepada penghuni tidak mempunyai saudara mara," katanya.

Fuziah turut mencadangkan supaya tenaga kerja di universiti seperti pensyarah dilanjutkan tempoh persaraan kerana khidmat amat diperlukan berikutan kekurangan tenaga pengajar.

(END)